
Kesediaan Guru Sejarah Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Nurul Huda Mohd Faudzi¹, Anuar Ahmad²

^{1,2} *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.*
E-mail: p105491@siswa.ukm.edu.my

E-mail: anuarmd@ukm.edu.my

Abstrak

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan satu pentaksiran untuk mengenal pasti tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran Sejarah yang dilaksanakan secara holistik, lengkap, bermakna, sah, dan tepat. Pelaksanaan PBD mata pelajaran Sejarah melibatkan pelbagai faktor terutamanya tahap kesediaan guru Sejarah melaksanakan PBD dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesediaan guru Sejarah untuk melaksanakan PBD dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap. Reka bentuk kajian ini adalah kuantitatif iaitu kajian tinjauan dan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Seramai 150 orang guru Sejarah sekolah rendah di daerah Barat Daya, Pulau Pinang telah dipilih sebagai responden. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages For Social Science* (SPSS) versi 25. Data dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif (frekuensi, peratus, skor min dan sisihan piawai) dan statistik inferensi (Ujian-T). Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesediaan guru Sejarah melaksanakan PBD dalam pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap sederhana di mana skor min bagi setiap elemen iaitu tahap pengetahuan (min=3.24), kemahiran (min=3.19) dan sikap (min=3.20). Ujian hipotesis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesediaan guru mengikut jantina dalam pelaksanaan PBD. Oleh itu, pihak bertanggungjawab mestilah memastikan keperluan guru dan kemudahan proses pengajaran dan pembelajaran dapat disediakan sebaiknya dalam memastikan tahap kesediaan guru Sejarah dalam pelaksanaan PBD sentiasa meningkat.

Kata kunci : *Guru sejarah; Pentaksiran bilik darjah; Tahap kesediaan*

Abstract

Classroom-Based Assessment (PBD) is a form of assessment to identify students' achievement in the History subject in a holistic, comprehensive, meaningful, valid, and accurate manner. The implementation of PBD in the History subject involves various factors, including History teachers' level of readiness to implement PBD in teaching and learning. Therefore, this study aims to identify History teachers' readiness to implement PBD in terms of their knowledge, skills, and attitude. This study adopted the quantitative research design and the survey research method. A questionnaire was used as the research instrument. 150 primary school History teachers in Southwest district Penang were selected as respondents. The study data were analyzed using Statistical Packages for Social Science (SPSS) version 25 through descriptive statistics (frequency, percentage, mean score, and standard deviation) and inferential statistics (T-Test). The findings show that primary History teachers' readiness to implement PBD in teaching and learning is at a moderate level. The mean score for the level of knowledge is 3.24, followed by skills (mean = 3.19) and attitude (mean = 3.20). The hypothesis testing showed a significant difference between the level of teachers' readiness to implement PBD according to gender. Based on this finding, the responsible party must ensure that teachers' needs are fulfilled and adequate teaching and learning facilities are provided to ensure the gradual increase of readiness among History teachers in implementing PBD.

Keywords : *Classroom-based assessment; History subject; Teacher's readiness*

I. PENGENALAN

Pentaksiran bilik darjah (PBD) merupakan pentaksiran yang dilaksanakan secara berterusan

sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran sepanjang tahun. PBD adalah penjenamaan semula Pentaksiran Sekolah (PS) yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2016. PBD mula dilaksanakan di sekolah

3

Received: 06 March 2022

Revised: 20 March 2022

Accepted: 26 March 2022

menengah pada tahun 2017 manakala PBD di sekolah rendah bermula tahun 2018 apabila amalan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun di semua sekolah rendah di bawah KPM dimansuhkan.

PBD merupakan kaedah pentaksiran yang bersifat autentik dan holistik serta lebih berfokus kepada perkembangan dan pembelajaran murid dan bukan lagi berorientasikan peperiksaan (KPM, 2018). Guru dapat membuat penilaian secara menyeluruh dari aspek penilaian kognitif (intelektual), psikomotor (jasmani), afektif (emosi dan rohani), sosial. Hal ini seiring dengan kandungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan aspek fizikal, mental dan kerohanian, iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelektual (JERI).

Pelaksanaan PBD bertujuan untuk melihat perkembangan kemajuan murid dalam pembelajaran di samping membantu guru menambah baik pengajaran mereka.[1] Guru boleh menggunakan proses pengukuran, penilaian dan pentaksiran untuk mendapatkan maklumat hasil pembelajaran murid (Jamil, 2008). Guru perlu memahami Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) supaya guru dapat menentukan tahap penguasaan sebenar murid.[2] Pentaksiran yang mantap dan berkesan menolong guru mengenal pasti tahap pembelajaran murid dan keberkesanan pengajaran guru (Akhbar & Siti Zaliha, 2002). Pengetahuan sedia ada dan perkembangan murid secara menyeluruh dapat dikesan oleh guru melalui pelaksanaan PBD. Guru juga dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan murid dalam pembelajaran dari semasa ke semasa. Melalui pelaksanaan PBD, guru dapat mengetahui keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, merancang, mengubah suai dan menambah baik kaedah pengajaran dan pembelajaran dan menjalankan tindakan susulan yang sesuai dengan serta merta.[3]

Kesediaan guru melaksanakan pentaksiran perlu sentiasa mengikut garis panduan PBD yang ditetapkan.[4] Pelaksanaan PBD di peringkat sekolah akan berjaya jika guru sebagai pelaksana memainkan peranan sepenuhnya dan mempunyai kesediaan yang tinggi dari aspek pengetahuan, kemahiran, dan sikap. Guru-guru hendaklah mempunyai tahap kesediaan yang tinggi dalam proses penyampaian pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti, efisien dan efektif kepada pelajar. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengetahui kesediaan guru Sejarah untuk melaksanakan PBD melalui pentaksiran yang dijalankan dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah.

II. PENYATAAN MASALAH

Pentaksiran bilik darjah (PBD) dilaksanakan sepenuhnya dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mulai 2018 bagi menggantikan sistem peperiksaan yang telah dimansuhkan pada peringkat sekolah rendah. Guru merupakan kumpulan yang akan mengupayakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam pelaksanaan PBD (KPM, 2018). Namun, permasalahan yang ditimbulkan dalam kajian ini adalah sejauh manakah isu pelaksanaan PBD di sekolah rendah tercapai dengan sepenuhnya dari aspek tahap kesediaan guru Sejarah menjalankan pentaksiran dalam pengajaran dan pembelajaran?

Ketidaksediaan guru dalam pelaksanaan pentaksiran menimbulkan pelbagai isu seperti isu kesahan, kebolehpercayaan, praktikaliti, pentadbiran, pemantauan dan penyeteraan.[5] Guru masih tidak jelas dalam pelbagai aspek pentaksiran termasuk tujuan, masa pelaksanaan, teknik melaksana, membuat pemerhatian, mengumpul, merekod, mentafsir dan menggunakan maklumat pentaksiran untuk membuat keputusan berkaitan pengajaran dan pembelajaran dalam proses pelaksanaan pentaksiran (Arsaythamby et al., 2015). Pernyataan ini disokong dalam kajian Fakhri dan Mohd Isha (2016) yang menyatakan guru-guru didapati kurang berkeyakinan dalam amalan mentaksir murid walaupun mereka telah mengikuti kursus berkaitan dengan pentaksiran[6]. Kelemahan guru dalam amalan pentaksiran dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap guru akan menjadikan proses pentaksiran dilaksanakan dengan tidak lancar.

Keberkesanan pentaksiran sekolah bergantung kepada faktor sikap, orientasi dan falsafah guru terhadap pelajar dan proses pengajaran pembelajaran, latihan, pengetahuan dan kemahiran guru dalam bidang pentaksiran (Rohaya, 2009). Hal ini kerana seorang guru memainkan peranan penting dalam mengenal pasti kebolehan, penguasaan, kemajuan dan pencapaian murid dalam pembelajaran. Guru perlu menentukan hasil pembelajaran yang hendak dicapai dengan merancang dan membina instrumen penilaian, melaksanakan penilaian, merekodkan hasil penilaian, menganalisis maklumat, melaporkan hasil dapatan dan akhir sekali membuat tindakan susulan[7]. Maka, kesediaan guru adalah aspek penting dalam menentukan kejayaan dan kegagalan pelaksanaan perubahan kurikulum (Mukhtar et al, 2016).

Kajian tentang pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Sejarah sekolah rendah melaksanakan PBD belum pernah dikaji. Hal ini kerana mata pelajaran Sejarah mula diperkenalkan

dalam KSSR di peringkat sekolah rendah pada tahun 2014. Kajian tentang pentaksiran lebih banyak dijalankan untuk PBD mata pelajaran teras iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains (rujuk kajian Aniza 2014, Noraini & Zamri 2016, SH. Siti 2019, Tan 2019 dan Mazarul et al. 2021). Sehubungan itu, kajian ini dibuat untuk mengenal pasti kesediaan guru-guru Sejarah sekolah rendah dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap mereka terhadap pelaksanaan PBD dalam pengajaran dan pembelajaran.

III. OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah:

1. Mengetahui tahap pengetahuan guru Sejarah melaksanakan pentaksiran bilik darjah (PBD) dalam pengajaran dan pembelajaran.
2. Mengetahui tahap kemahiran guru Sejarah melaksanakan pentaksiran bilik darjah (PBD) dalam pengajaran dan pembelajaran.
3. Mengetahui tahap sikap guru Sejarah melaksanakan pentaksiran bilik darjah (PBD) dalam pengajaran dan pembelajaran.
4. Mengetahui perbezaan tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru Sejarah melaksanakan pentaksiran bilik darjah (PBD) dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan jantina guru.

IV. KAJIAN LITERATUR

Kajian literatur dalam kajian ini membincangkan tentang pelaksanaan amalan pentaksiran bilik darjah dan tahap kesediaan guru Sejarah terhadap pelaksanaan pentaksiran dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian-kajian lepas yang dirujuk adalah kajian yang berkaitan dengan pentaksiran bagi memperoleh fakta yang dapat menyokong kajian ini.

A. Pentaksiran Bilik Darjah dalam Mata Pelajaran Sejarah

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) telah diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk sekolah menengah (2017) dan sekolah rendah (2018)[8]. Seiring dengan perkembangan dan penguasaan murid dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), guru memainkan peranan yang penting dalam PBD (SH. Siti, 2019)[9]. Semua mata pelajaran termasuk Sejarah perlu melaksanakan pentaksiran untuk mendapatkan maklumat tentang perkembangan murid dalam pembelajaran mereka.

Melalui PBD mata pelajaran Sejarah, guru dapat merangsang pemikiran melibatkan penguasaan murid dalam pengetahuan, kemahiran dan nilai. Guru Sejarah juga dapat membuat

pentaksiran dengan menguji pengetahuan dan pemahaman murid terhadap sesuatu topik yang dipelajari dalam mata pelajaran Sejarah[10]. PBD dalam Sejarah juga memberi ruang yang luas kepada murid untuk menganalisis, menilai dan merumus fakta-fakta sejarah secara rasional (KPM, 2018). Hal ini dapat direalisasikan melalui satu sistem pentaksiran yang baik dan terancang. Semasa menjalankan pentaksiran, guru harus mengambil kira kepelbagaian tahap kecerdasan murid dan dilakukan secara berterusan semasa proses PdP dengan pelbagai cara.

B. Kesediaan Guru Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)

Penguasaan berkaitan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) penting dalam kalangan guru Sejarah untuk menilai tahap pembelajaran murid. Hal ini dapat menjadikan guru Sejarah bersedia sepenuhnya dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap untuk menjalankan PBD secara berterusan sepanjang proses PdP. Oleh itu, kesediaan guru Sejarah melaksanakan PBD dalam pengajaran dan pembelajaran perlu dititikberatkan demi memastikan matlamatnya tercapai.

Pengetahuan guru tentang pendekatan iaitu kaedah dan cara dalam menjalankan pentaksiran amat penting.[11] Pentaksiran dapat dijalankan dengan baik, konsisten dan berterusan berdasarkan kepada tahap pengetahuan guru (Emilia, 2017). Tahap kefahaman yang tinggi berkenaan dengan pelaksanaan PBD membolehkan guru mempunyai amalan yang baik dalam melaksanakan PBD (Tan, 2019)[12].

Aspek kemahiran guru merupakan faktor utama berkaitan pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah (Aniza, 2014). Pelaksanaan pentaksiran memerlukan seorang guru mempunyai kemahiran yang tinggi. Hal ini kerana masih terdapat golongan guru yang masih keliru dan belum bersedia dalam melaksanakan PBD. Penyataan ini disokong dalam dapatan kajian Senin & Asri (2019) yang mendapati guru-guru menggunakan gred atau komen asas seperti "Baik", "Memuaskan" dan "Teruskan usaha" sebagai maklum balas dalam pentaksiran mereka, namun mereka kurang membekalkan maklum balas kepada murid-murid berkaitan dengan kelebihan dan kelemahan murid-murid. Guru yang kurang berkemahiran melaksanakan PBD akan menyebabkan guru tidak bersedia menghadapi sebarang perubahan.[13]

Sikap guru terhadap pelaksanaan PBD perlu diambil kira sebagai tindak balas yang ditunjukkan oleh seorang guru[14]. Hasil dapatan kajian Ramlah, Jamil & Analisa (2015) menunjukkan bahawa sikap positif guru bagi aktiviti

mengaplikasikan maklumat pentaksiran berada pada tahap yang rendah. Guru harus sentiasa bersedia menyediakan diri untuk memperbaiki amalan pentaksiran bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran[8]. Sehubungan itu, guru Sejarah amat memerlukan latihan, pengetahuan, kemahiran yang secukupnya dan sentiasa bersikap positif untuk melaksanakan PBD dalam pengajaran dan pembelajaran.

V. METODOLOGI KAJIAN

A. Reka bentuk kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif. Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kaedah tinjauan deskriptif dan inferensi. Kajian tinjauan dipilih kerana amat sesuai dalam menyediakan gambaran yang cepat mengenai tingkah laku, sikap, dan kepercayaan semasa populasi (Mills & Gay, 2016). Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian bagi menilai kesediaan guru Sejarah melaksanakan PBD dalam pengajaran dan pembelajaran. Kesediaan guru Sejarah merujuk kepada aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap guru terhadap pelaksanaan PBD.

B. Populasi dan sampel kajian

Pemilihan sampel kajian diambil daripada populasi kajian yang terdiri daripada 150 orang guru Sejarah yang bertugas di sekolah rendah di daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Responden dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah kerana populasi kajian ini tidak seragam dari segi umur, kaum, tahap pendidikan dan tempoh perkhidmatan.

C. Instrumen kajian

Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai alat untuk mengumpul data dan maklum balas daripada responden. Borang soal selidik diubah suai daripada kajian Sh. Siti Hauzimah (2018) dan Amie Doris Dorin (2019) yang mengkaji tentang pentaksiran bilik darjah (PBD). Terdapat empat bahagian dalam soal selidik ini. Bahagian A adalah berkaitan demografi responden. Bahagian B adalah tentang kesediaan guru dari aspek pengetahuan, Bahagian C tentang kesediaan guru dari aspek kemahiran dan Bahagian D tentang kesediaan guru dari aspek sikap. Item yang terkandung pada soalan Bahagian B, C dan D adalah sebanyak 10 item. Setiap item soalan pada Bahagian B, C dan D mempunyai empat pilihan jawapan dengan skala iaitu 1 – Sangat Tidak Setuju (STS), 2 – Tidak Setuju (TS), 3 – Setuju (S), 4 – Sangat Setuju (SS).

D. Analisis Data

Data borang soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages for the Social Sciences* (SPSS) versi 25.0. Perisian ini digunakan untuk menganalisis semua data yang telah dikumpulkan. Analisis deskriptif iaitu kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai digunakan untuk menganalisis data bagi objektif dan persoalan kajian. Analisis inferensi iaitu ujian-T digunakan untuk menganalisis data bagi hipotesis kajian. Skor min yang diperoleh dirujuk berdasarkan kajian Riduwan (2012) yang membahagikan kepada empat tahap interpretasi min untuk digunakan di dalam kajian ini seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1
Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
3.51 – 4.00	Tinggi
2.51 – 3.50	Sederhana Tinggi
1.51 – 2.50	Sederhana
1.00 – 1.50	Rendah

E. Pengumpulan data

Sebelum menjalankan kajian, beberapa langkah awal telah diambil iaitu mendapatkan surat sokongan daripada Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia dan penyelia untuk memohon kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD) untuk menjalankan kajian. Setelah mendapat kelulusan EPRD, pengkaji memohon kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dan Pejabat Pendidikan Daerah Barat Daya untuk menjalankan kajian terhadap guru Sejarah di sekolah rendah yang terlibat. Seterusnya, pengkaji membuat kajian rintis terhadap 10 orang responden yang dipilih untuk memastikan ketepatan soal selidik dari sudut kefahaman responden. Setelah mendapatkan maklumat dari kajian rintis, pengkaji mengedarkan borang soal selidik melalui *Google Form* kepada responden. Tempoh pelaksanaan kajian yang dijalankan adalah selama lapan minggu. Pengkaji membuat analisis dan menginterpretasikan data setelah memperoleh data kajian dari borang soal selidik yang dihantar oleh responden.

VI. DAPATAN KAJIAN

A. Demografi responden

Demografi responden dalam kajian ini merujuk kepada latar belakang responden iaitu jantina, umur, kaum, tahap pendidikan dan tempoh perkhidmatan. Seramai 150 orang guru yang terlibat sebagai

responden kajian. Demografi responden seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2

Demografi responden mengikut jantina, kaum, umur, tahap pendidikan dan tempoh perkhidmatan

Demografi		
Jantina	Frekuensi	Peratusan (%)
Lelaki	45	30
Perempuan	105	70

Umur	Frekuensi	Peratusan (%)
21 – 30 tahun	31	20.7
31 – 40 tahun	48	32
41 – 50 tahun	50	33.3
51 – 60 tahun	21	14

Kaum	Frekuensi	Peratusan (%)
Melayu	85	56.7
Cina	35	23.3
India	20	13.3
Lain-lain	10	6.7

Tahap Pendidikan	Frekuensi	Peratusan (%)
Diploma Pendidikan	8	5.3
Ijazah Sarjana Muda	123	82
Ijazah Sarjana	19	12.7
Doktor Falsafah	0	0

Tempoh Perkhidmatan	Frekuensi	Peratusan (%)
1 - 5 tahun	33	22
6 - 10 tahun	21	14
11 - 15 tahun	34	22.7
16 - 20 tahun	32	21.3
21 tahun dan ke atas	30	20

Analisis data pada Jadual 2 menunjukkan seramai 45 orang atau 30.0 peratus adalah terdiri daripada guru lelaki, manakala seramai 105 orang atau 70.0 peratus lagi terdiri daripada guru perempuan. Ini menunjukkan bahawa jumlah responden dalam kalangan guru perempuan melebihi jumlah guru lelaki dalam kajian ini.

Dapatan kajian untuk demografi responden mengikut umur menunjukkan seramai 31 orang responden atau 20.7 peratus berumur antara 21

hingga 30 tahun, 48 orang responden atau 32 peratus berumur antara 31 hingga 40 tahun, 50 orang responden atau 33.3 peratus berumur antara 41 hingga 50 tahun, dan 21 orang responden atau 14 peratus berumur antara 51 hingga 60 tahun. Ini menunjukkan bahawa jumlah responden dalam kalangan guru sejarah yang paling ramai berumur antara 41 hingga 50 tahun dalam kajian ini. Dari segi kaum pula, seramai 85 orang responden atau 56.7 peratus terdiri daripada kaum Melayu, 35 orang responden atau 23.3 peratus terdiri daripada kaum Cina, 20 orang responden atau 13.3 peratus terdiri daripada kaum India, dan 10 orang responden atau 6.7 peratus terdiri daripada lain-lain kaum. Ini menunjukkan responden yang terdiri daripada kaum Melayu melebihi responden daripada kaum Cina, India dan lain-lain dalam kajian ini.

Apabila ditinjau dari segi tahap pendidikan tertinggi yang dimiliki responden, seramai 8 orang responden atau 5.3 peratus mempunyai diploma pendidikan, 123 orang responden atau 82 peratus mempunyai ijazah sarjana muda pendidikan, dan 19 orang responden atau 12.7 peratus mempunyai ijazah sarjana. Ini menunjukkan responden yang mempunyai ijazah sarjana muda pendidikan paling ramai berbanding responden yang mempunyai diploma pendidikan dan ijazah sarjana dalam kajian ini.

Berdasarkan pengalaman mengajar responden, seramai 33 orang responden atau 22 peratus telah mengajar di antara 1 hingga 5 tahun dan merupakan golongan guru yang masih muda berkhidmat dalam dunia pendidikan. Seramai 21 orang responden atau 14 peratus telah mempunyai pengalaman mengajar di antara 6 tahun hingga 10 tahun. Seramai 34 orang responden atau 22.7 peratus telah mempunyai pengalaman mengajar di antara 11 tahun hingga 15 tahun. Seramai 32 orang responden atau 21.3 peratus telah mempunyai pengalaman mengajar di antara 16 tahun hingga 20 tahun. Seramai 30 orang responden atau 20 peratus telah mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 21 tahun. Hal ini bermakna bahawa kebanyakan responden merupakan terdiri daripada guru Sejarah yang berpengalaman dalam dunia pendidikan.

B. Tahap Pengetahuan Guru Sejarah dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah

Jadual 3 menunjukkan analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai digunakan bagi menentukan tahap kesediaan guru Sejarah dari aspek pengetahuan terhadap pelaksanaan pentaksiran bilik darjah (PBD). Dapatan kajian menunjukkan nilai skor min berada pada tahap sederhana. Daripada jadual analisis skor min, guru Sejarah yang mempunyai pengetahuan mengenai pelaksanaan tindakan susulan mengikut tahap penguasaan murid menunjukkan skor min yang paling rendah

(min=2.94, SP=0.647). Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa guru Sejarah mempunyai pengetahuan yang sederhana untuk melaksanakan pentaksiran dalam mata pelajaran Sejarah.

Jadual 3

Tahap kesediaan guru Sejarah dari aspek pengetahuan

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
B1	Saya mempunyai pengetahuan mengenai konsep pelaksanaan PBD dalam mata pelajaran Sejarah.	3.37	0.484	Sederhana
B2	Saya mempunyai pengetahuan mengenai matlamat dan objektif pelaksanaan PBD dalam mata pelajaran Sejarah.	3.33	0.471	Sederhana
B3	Saya mempunyai pengetahuan untuk membezakan setiap tahap penguasaan (TP) berdasarkan standard prestasi dalam DSKP mata pelajaran Sejarah.	3.31	0.463	Sederhana
B4	Saya mempunyai pengetahuan mengenai pelaksanaan PBD secara formatif dan sumatif mata pelajaran Sejarah.	3.33	0.473	Sederhana
B5	Saya mempunyai pengetahuan berkenaan pelaksanaan PBD melalui kaedah lisan, pemerhatian dan bertulis dalam mata pelajaran Sejarah.	3.31	0.465	Sederhana
B6	Saya mempunyai pengetahuan mengenai pembinaan instrumen PBD mengikut tahap	3.05	0.577	Sederhana

	keperluan pembelajaran murid dalam mata pelajaran Sejarah.			
B7	Saya tahu membuat penilaian terhadap tahap penguasaan (TP) murid berdasarkan tugas yang telah dilaksanakan dalam mata pelajaran Sejarah.	3.11	0.619	Sederhana
B8	Saya mempunyai pengetahuan mengenai pelaksanaan tindakan susulan mengikut tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran Sejarah.	2.94	0.647	Sederhana
B9	Saya mempunyai pengetahuan mengenai pengisian templat pelaporan PBD mata pelajaran Sejarah secara atas talian.	3.37	0.485	Sederhana
B10	Saya mempunyai pengetahuan mengenai pelaporan tahap penguasaan (TP) keseluruhan murid untuk diterangkan kepada ibu bapa.	3.27	0.447	Sederhana
Purata Keseluruhan		3.24	0.418	Sederhana

C. Tahap Kemahiran Guru Sejarah dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah

Jadual 4 menunjukkan analisis deskriptif bagi tahap kesediaan guru Sejarah dari aspek kemahiran. Dapatan kajian menunjukkan interpretasi sederhana. Daripada analisis skor min, pernyataan yang merujuk guru Sejarah mahir untuk membuat tindakan susulan mengikut tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran Sejarah menunjukkan skor min yang terendah (min = 2.86, SP = 0.624). Ini menunjukkan bahawa guru Sejarah mempunyai kemahiran yang sederhana untuk menjalankan pentaksiran bilik darjah.

Jadual 4
Tahap kesediaan guru Sejarah dari aspek kemahiran

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
C1	Saya mahir dalam membuat penilaian berdasarkan Panduan Pelaksanaan PBD yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum.	3.31	0.465	Sederhana
C2	Saya mahir dalam membuat penilaian dengan merujuk tahap penguasaan (TP) berdasarkan standard prestasi dalam DSKP mata pelajaran Sejarah.	3.29	0.457	Sederhana
C3	Saya mahir untuk melaksanakan PBD mata pelajaran Sejarah secara formatif dan sumatif mengikut tahap murid.	3.29	0.457	Sederhana
C4	Saya mahir untuk menggunakan kaedah lisan dan pemerhatian bagi melaksanakan PBD dalam mata pelajaran Sejarah.	3.30	0.460	Sederhana
C5	Saya mahir untuk membina instrumen mengikut kesesuaian tahap murid bagi melaksanakan PBD dalam mata pelajaran Sejarah.	2.99	0.555	Sederhana
C6	Saya mahir untuk melaksanakan aktiviti projek mudah bagi menilai PBD murid dalam mata pelajaran Sejarah.	3.01	0.608	Sederhana
C7	Saya mahir untuk merekod dan mencatat	3.31	0.463	Sederhana

	prestasi PBD murid dalam mata pelajaran Sejarah.			
C8	Saya mahir untuk membuat tindakan susulan mengikut tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran Sejarah.	2.86	0.624	Sederhana
C9	Saya mahir untuk menggunakan aplikasi digital seperti <i>Google Classroom</i> bagi melaksanakan PBD mata pelajaran Sejarah.	3.28	0.451	Sederhana
C10	Saya mahir untuk menggunakan pengisian templat pelaporan PBD mata pelajaran Sejarah atas talian.	3.29	0.454	Sederhana
Purata Keseluruhan		3.19	0.395	Sederhana

D. Tahap Sikap Guru Sejarah dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah

Jadual 5 menunjukkan analisis bagi tahap kesediaan guru Sejarah dari aspek sikap. Setiap item menunjukkan interpretasi sederhana. Daripada analisis skor min, guru Sejarah yang sentiasa menganalisis PBD untuk tindakan susulan mendapat skor min terendah (min=2.91, SP = 0.583). Perkara ini menunjukkan bahawa sikap guru mempengaruhi tahap kesediaan guru Sejarah untuk menjalankan pentaksiran bilik darjah.

Jadual 5
Tahap kesediaan guru Sejarah dari aspek sikap

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Tahap
D1	Saya sentiasa membuat persediaan rapi sebelum mengajar mata pelajaran Sejarah.	3.28	0.451	Sederhana
D2	Saya sentiasa merujuk DSKP mata pelajaran Sejarah sebelum menjalankan pentaksiran bilik darjah.	3.33	0.473	Sederhana
D3	Saya sentiasa mempunyai	3.00	0.602	Sederhana

	masa yang cukup untuk menjalankan PBD mata pelajaran Sejarah.			
D4	Saya sentiasa mempunyai komitmen yang tinggi semasa menjalankan penilaian PBD.	3.23	0.424	Sederhana
D5	Saya sentiasa menyimpan rekod PBD mata pelajaran Sejarah secara sistematik.	3.29	0.457	Sederhana
D6	Saya sentiasa mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap pelaksanaan PBD mata pelajaran Sejarah.	3.25	0.436	Sederhana
D7	Saya sentiasa melaksanakan PBD mata pelajaran Sejarah dengan telus dan adil.	3.21	0.406	Sederhana
D8	Saya sentiasa menganalisis PBD mata pelajaran Sejarah yang dilakukan untuk tindakan susulan.	2.91	0.583	Sederhana
D9	Saya sentiasa menyediakan bahan bantu mengajar agar pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah lebih berkesan.	3.20	0.418	Sederhana
D10	Saya sentiasa mengikuti taklimat berkaitan PBD yang dianjurkan oleh pihak PPD, JPN dan KPM.	3.25	0.593	Sederhana
Purata Keseluruhan		3.20	0.377	Sederhana

E. Perbezaan Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Guru Sejarah Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Jantina

Bagi menjawab soalan kajian 4, maka pengkaji telah membentuk hipotesis nol (Ho) bagi diuji pada aras kesignifikan ($t=0.05$) seperti berikut:

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan dalam

melaksanakan pentaksiran bilik darjah (PBD) dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan jantina guru.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kemahiran dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah (PBD) dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan jantina guru.

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap sikap dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah (PBD) dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan jantina guru.

Hasil analisis ujian-t dalam Jadual 6 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan guru Sejarah melaksanakan pentaksiran bilik darjah (PBD) dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan jantina guru dengan nilai [$t = 3.068, p = 0.003, p < 0.01$]. Dengan itu Ho1 adalah ditolak. Dapatan ini menunjukkan tahap pengetahuan guru Sejarah lelaki (min = 3.40, SP = 0.426) adalah lebih tinggi berbanding guru Sejarah perempuan (min = 3.17, SP = 0.398) melaksanakan pentaksiran bilik darjah (PBD) dalam pengajaran dan pembelajaran.

Seterusnya, dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan tahap kemahiran guru Sejarah melaksanakan pentaksiran bilik darjah (PBD) dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan jantina guru dengan nilai [$t = 2.207, p = 0.029, p < 0.05$]. Dengan itu Ho2 adalah ditolak. Dapatan ini menunjukkan tahap kemahiran guru Sejarah lelaki (min = 3.30, SP = 0.415) adalah lebih tinggi berbanding guru Sejarah perempuan (min = 3.15, SP = 0.379) melaksanakan pentaksiran bilik darjah (PBD) dalam pengajaran dan pembelajaran.

Terakhir, dapatan juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan tahap sikap guru Sejarah melaksanakan pentaksiran bilik darjah (PBD) dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan jantina guru dengan nilai [$t = 4.092, p = 0.000, p < 0.01$]. Dengan itu Ho3 adalah ditolak. Dapatan ini menunjukkan tahap sikap guru Sejarah lelaki (min = 3.39, SP=0.401) adalah lebih tinggi berbanding guru Sejarah perempuan (min=3.11, SP=0.334) melaksanakan pentaksiran bilik darjah (PBD) dalam pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 6

Ujian-T Perbezaan Guru Sejarah Melaksanakan PBD dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berdasarkan Jantina

	Jantina	N	Min	SP	Nilai t	Sig.P
Pengetahuan guru	Lelaki	45	3.40	.426	3.068	.003
	Perempuan	105	3.17	.398		
Kemahiran guru	Lelaki	45	3.30	.415	2.207	.029
	Perempuan	105	3.15	.379		
Sikap guru	Lelaki	45	3.39	.401	4.092	.000
	Perempuan	105	3.11	.334		

VII. PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan guru Sejarah dalam aspek pengetahuan dalam pelaksanaan PBD di sekolah rendah daerah Barat Daya adalah pada tahap sederhana. Kajian ini bertepatan dengan dapatan kajian Faizah (2011) yang mengatakan bahawa guru masih berada pada tahap yang sederhana dalam pelaksanaan PBS dari aspek kesediaan dan pengetahuan.[15]

Namun, dapatan kajian pengkaji adalah bertentangan dengan hasil dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Mazarul et al., (2021) menunjukkan tahap pengetahuan guru adalah tinggi dalam pelaksanaan PBD di sekolah.[16] Kajian ini juga disokong dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh SH. Siti (2019) yang menyatakan bahawa tahap kesediaan guru dalam aspek pengetahuan dalam pelaksanaan PBD bagi mata pelajaran Bahasa Melayu adalah pada tahap tinggi.[9] Kebanyakan golongan guru memahami PBS dengan mendalam setelah lama mengajar kerana minat yang mendalam semasa menyampaikan ilmu semasa proses pengajaran dan pembelajaran (Aniza dan Zamri, 2015)[17]. Maka, guru harus menguasai secara mendalam pengetahuan dalam pelajaran yang diajar untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran agar berkesan dan berkualiti (Rosli, 2008).

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kemahiran guru Sejarah dalam pelaksanaan PBD di sekolah rendah daerah Barat Daya adalah pada tahap sederhana. Ini selari dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Amie & Ruhizan (2019) ke atas 170 orang guru di daerah Padawan yang menunjukkan bahawa guru-guru didapati sederhana mahir dalam melaksanakan pelbagai kaedah pentaksiran dan mengendalikan pentaksiran bilik darjah.[18] Hal ini selari dengan dapatan kajian oleh Stiggins (2005) yang mendapati tidak ramai guru yang betul-betul bersedia dalam melakukan pentaksiran bilik darjah kerana mereka tidak berpeluang untuk mempelajari teknik-teknik dan amalan pentaksiran yang betul. Guru-guru didapati kurang yakin dan tidak bersedia melaksanakan pentaksiran kerana kurang kemahiran yang terdapat dalam dapatan kajian oleh Tan (2010).

Namun begitu, dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Radin (2008) yang menunjukkan guru-guru mahukan latihan yang profesional dalam pentaksiran bagi mendapatkan kemahiran dalam pentaksiran agar mereka boleh melaksanakan PBD dengan jayanya. Kemahiran yang guru miliki dapat meningkatkan amalan pengajaran serta pentaksiran berdasarkan keperluan persekitaran pembelajaran pelajar untuk meningkatkan pencapaian pelajar (Wang et al. 2016). Apabila guru mempunyai kemahiran yang tinggi untuk melaksanakan PBD,

mereka dapat membuat penambahbaikan terhadap pentaksiran dalam pengajaran dan pembelajaran.[19] Oleh itu, guru sejarah memerlukan latihan untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam melaksanakan pentaksiran bagi mata pelajaran Sejarah.

Selain aspek pengetahuan dan kemahiran, aspek sikap juga merupakan komponen utama dalam mengukur tahap kesediaan guru sejarah. Berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan menunjukkan bahawa tahap kesediaan guru dalam melaksanakan PBD adalah pada tahap yang sederhana (Amie & Ruhizan, 2019). Hasil dapatan kajian oleh Fakhri & Mohd Isha (2016)[6] menyatakan walaupun guru-guru telah mengikuti kursus berkaitan pentaksiran tetapi mereka masih tidak yakin dalam amalan mentaksir murid. Hal ini disokong dengan dapatan kajian oleh Zamri et al. (2021)[20] yang melaporkan bahawa guru mempunyai sikap kurang keyakinan dalam membuat penilaian terhadap murid. Cabaran yang dihadapi oleh guru seperti masa merancang pengajaran dan pembelajaran yang tidak mencukupi dan bilangan murid yang ramai dalam bilik darjah menyebabkan guru kurang bersedia melaksanakan PBD sepenuhnya.

Terdapat beberapa perkara perlu dipertimbangkan untuk dilaksanakan ke arah mengukuhkan lagi pelaksanaan amalan pentaksiran. Antaranya ialah latihan dalam pentaksiran diberikan kepada semua guru Sejarah secara berkala, pemantauan secara lisan dan bertulis dijalankan oleh pentadbir terhadap guru Sejarah, mengurangkan beban kerja guru Sejarah yang tidak berkaitan dengan PdP, membudayakan *Professional Learning Community* (PLC) untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran guru Sejarah tentang PBD. Penambahbaikan yang berterusan akan memungkinkannya pelaksanaan PBD dalam kalangan guru Sejarah di semua sekolah di seluruh negara semakin berkesan dan menepati matlamat yang dihasratkan.

VIII. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah mengenal pasti tahap kesediaan guru Sejarah melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah rendah daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Berdasarkan dapatan kajian dapat dirumuskan tahap kesediaan guru Sejarah dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap adalah sederhana. Hal ini menunjukkan tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap mempengaruhi kesediaan guru dalam pelaksanaan PBD. Sebagai seorang guru, mereka perlu sentiasa bersedia untuk menerima maklumat yang terbaharu daripada pihak kementerian kerana guru merupakan anggota pelaksana yang memainkan peranan penting dalam

menjayakan sistem pendidikan negara kita (SH. Siti, 2019). Guru yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran akan mempunyai kesediaan yang tinggi dalam melakukan pentaksiran bilik darjah (Fakhri & Mohd Isha, 2016). Hal ini akan menjadikan proses pentaksiran berjalan dengan lancar dan menghasilkan maklumat yang tepat serta berkualiti. Guru juga dapat membuat penambahbaikan dan merancang tindakan susulan yang bersesuaian bagi tujuan meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan itu, pemimpin sekolah perlulah sentiasa menyokong pihak guru Sejarah dalam melaksanakan pentaksiran terutama dalam penjaminan kualiti pentaksiran. Pihak pentadbir sekolah perlu mengambil langkah-langkah yang efektif bagi membantu guru-guru Sejarah membuat persediaan dari pelbagai aspek dalam pelaksanaan PBD demi menjamin kualiti dan integriti guru menjalankan pentaksiran.

REFERENCES

- [1] K. S. Arumugham, "Kurikulum, Pengajaran Dan Pentaksiran Dari Perspektif Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah," *Asian People J.*, vol. 3, no. 1, pp. 152–161, 2020, doi: 10.37231/apj.2020.3.1.175.
- [2] R. S. Artika and H. Hasmadi, "Persepsi Guru Pendidikan Islam Dalam Pentaksiran Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran Sekolah Rendah," vol. 2, no. 7, pp. 13–19, 2019.
- [3] M. F. B. M. Yunus, S. Bin Samsuddin, and Y. Bin Kasiron, "Tahap Kesedaran Guru Terhadap Kefungsian Pentaksiran dalam Merancang Program Pendidikan Berimpak Tinggi di Sekolah," no. 2004, pp. 49–53, 2017.
- [4] M. S. Nordin and N. H. Ismail, "Kesediaan Guru Terhadap Perlaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah bagi Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu," *Int. Semin. Technol. Vocat. Educ. 2014*, vol. 2014, no. Tveis, pp. 475–483, 2014.
- [5] T. Jia Yuh and H. Banu Kenayathulla, "Pentaksiran Bilik Darjah Dan Prestasi Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Di Hulu Langat, Selangor," *J. Kep. Pendidik.*, vol. 1, no. 3, pp. 70–90, 2020, [Online]. Available: http://umrefjournal.um.edu.my/filebank/published_article/6255/Template 4.pdf.
- [6] A. K. Fakhri and A. Mohd Isha, "Isu Kesediaan Guru dalam Amalan Melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah," *Educ. Soc. Sci.*, vol. 2, pp. 1–7, 2016.
- [7] N. B. Idris, "Penilaian Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah Dalam Kalangan Guru," Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2016.
- [8] K. Baskaran, V. P. Rajeswari, and K. K. Saraswathy, "Keberkesanan Pelaksanaan Bengkel Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)," *J. Penyelid. Dedik.*, vol. 19, no. 1, pp. 51–72, 2021.
- [9] H. W. O. SH. Siti, "Pengetahuan, Kemahiran, Sikap dan Masalah Guru dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah Bahasa Melayu di Sekolah Rendah," *J. Pendidik. Bhs. Melayu – JPBM (Malay Lang. Educ. J. – MyLEJ)*, vol. 9, no. 1, pp. 56–67, 2019.
- [10] Z. Mahamod and A. Abdul Rahman, *Sistem Pendidikan Di Malaysia; Sejarah dan Cabaran Abad ke-21*. PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA, 2020.
- [11] M. I. Annaliza, M. Al-Amin, G. K. A. Abdul, and F. W. M. R. Wan, "Tranformasi Pendidikan Tahap 1: Peperiksaan ke Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Kesan Terhadap Autonomi Guru," *Isu dan Cabaran dalam Pendidik. Strateg. dan Inov.*, no. November 2021, pp. 218–231, 2020.
- [12] H. L. Tan, "Amalan dan Tahap Integriti Guru Sains Sekolah Rendah dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah," in *Seminar Pendidikan Sains 2019*, 2019, pp. 564–581.
- [13] L. Lius and Z. Mahamod, "Tahap Tekanan Guru Bahasa Melayu Di Sekolah Jenis Kebangsaan Tahap Tekanan Guru Bahasa Melayu Di Sekolah Jenis Kebangsaan," *3rd Int. Conf. Business, Educ. Innov. Soc. Sci. (ICBEISS 2021)*, vol. 12, no. 2, pp. 462–474, 2021.
- [14] A. S. Ambotang and S. Gobalakrishnan, "Tahap Integriti dan Kesediaan Guru dengan Pentaksiran Berasaskan Sekolah," *Int. J. Educ. Psychol. Couns.*, vol. 2, no. 4, pp. 1–22, 2017.
- [15] A. M. Faizah, "School-Based Assessment in

- Malaysian schools: The concerns of the English teachers,” *US-China Educ. Rev.*, vol. 3, no. 2, pp. 393–402, 2011.
- [16] H. M. H. Mazarul, Z. Norazimah, and M. Suhaila, “Tahap Kesiapan Guru Sekolah Rendah Di Daerah Klang, Selangor Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah Dari Aspek Pengetahuan,” *Int. J. Mod. Educ.*, vol. 3, no. 9, pp. 01–08, 2021, doi: 10.35631/ijmoe.39001.
- [17] Aniza Ahmad and Zamri Mahamod, “Tahap kemahiran guru bahasa melayu sekolah menengah dalam melaksanakan pentaksiran berasaskan sekolah berdasarkan jantina, opsyen dan tempat mengajar,” *J. Pendidik. Bhs. Melayu*, vol. 5, no. Mei, pp. 18–29, 2015.
- [18] D. D. Amie and M. Y. Ruhizan, *Tahap Kesiapan Guru Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD)*, vol. 259, no. 2. Malaysia Association of Research and Education for Educators, 2019.
- [19] H. M. H. Mazarul, K. Maizura, and Z. Norazimah, “Kesiapan Guru Pendidikan Islam dalam Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21,” *Int. J. Educ. Pedagog.*, vol. 2, no. 2, pp. 9–17, 2020, [Online]. Available: <http://myjms.moe.gov.my/index.php/ijeap>.
- [20] L. A. Asit and Z. Mahamod, “Memperkasa Guru: Pentaksiran Bilik Darjah Bahasa Melayu Semasa Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah,” in *Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara SKEPEN 2021*, 2021, pp. 75–142.

AUTHOR'S INFORMATION

**First Author: Nurul
Huda Mohd Faudzi**



Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor,
Malaysia.

E-mail: p105491@siswa.ukm.edu.com

**Second Author: Anuar
Ahmad**



Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor,
Malaysia.

E-mail: anuarmd@ukm.edu.my